

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**

**MESYUARAT KETIGA, DEWAN RAKYAT**

**PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS**

**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK KOH NAI KWONG  
[ALOR GAJAH]**

**TARIKH : 23 OKTOBER 2017**

**SOALAN :**

**Datuk Koh Nai Kwong [ALOR GAJAH] MEMINTA MENTERI  
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**  
menyatakan sama ada Kementerian akan memperluaskan Program  
Khidmat Bantu di Rumah dan merekrut pekerja kes tetap untuk program  
tersebut supaya dapat mengurangkan beban terhadap rumah kebajikan  
orang tua serta meringankan beban Orang Kurang Upaya (OKU).

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI**  
**PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN**  
**MASYARAKAT**

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) komited untuk memberi khidmat sokongan kepada Warga Emas (WE) dan Orang Kurang Upaya (OKU) terutama bagi mereka yang tinggal bersendirian atau yang tinggal bersama ahli keluarga tetapi memerlukan khidmat nasihat serta pertolongan penjagaan.

Di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah memperkenalkan Program Khidmat Bantu di Rumah (KBDR) pada tahun 2013. Program yang dilaksanakan ini merupakan satu adaptasi inovasi sosial dalam meningkatkan kesejahteraan hidup golongan Warga Emas (WE) dan Orang Kurang Upaya (OKU) yang *vulnerable* dan *marginalise*. Program ini merupakan satu pendekatan baharu Kerajaan yang paling efektif dan relevan dalam mendekati dan menghayati denyut nadi rakyat memandangkan program

73

ini menawarkan perkhidmatan sokongan sosial kepada kumpulan sasaran yang sangat memerlukan.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sememangnya melaksanakan perluasan Program Khidmat Bantu di Rumah (KBDR) di seluruh negara dengan meletakkan sasaran iaitu 8,880 klien (Warga Emas dan OKU) melibatkan seramai 2,220 petugas (sukarelawan) di 222 kawasan Parlimen seluruh negara pada tahun 2018.

Program ini dilaksanakan oleh petugas (sukarelawan) yang berdaftar dengan JKJ adalah berbentuk pendampingan sosial (*social outreach*) yang mana petugas (sukarelawan) disuaipadankan dengan klien mengikut latar belakang sosial seperti agama, etnik, bahasa dan budaya. Pendekatan ini digunakan untuk memastikan perkongsian nilai (*shared value*) antara petugas (sukarelawan) dan klien dapat diwujudkan.

Oleh itu, Program Khidmat Bantu di Rumah (KBDR) ini yang dikendalikan sepenuhnya oleh sukarelawan adalah tidak melibatkan

pelantikan pekerja tetap untuk melaksanakan Program Khidmat Bantu di Rumah (KBDR).

Bagi tujuan meningkatkan bilangan petugas (sukarelawan) melaksanakan Program Khidmat Bantu di Rumah (KBDR) dan klien yang mendapat manfaat daripadanya, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah meletakkan *Key Performance Indicator* (KPI) secara berterusan bermula tahun 2014 – 2018 iaitu pertambahan seramai 160 petugas (Sukarelawan) dan 640 klien baharu setiap tahun.

Sehingga September 2017, seramai **8,254** orang klien yang terdiri daripada **6,539** Warga Emas (WE) dan **1,715** Orang Kurang Upaya (OKU) telah menerima manfaat hasil daripada Program Khidmat Bantu di Rumah (KBDR) yang dikendalikan oleh seramai **2,377** orang petugas (sukarelawan).

Pertambahan klien baharu bagi Program Khidmat Bantu di Rumah (KBDR) dari tahun 2014 hingga September 2017 ialah sebanyak 4,163 orang yang melibatkan seramai 2,921 Warga Emas (WE) dan 1,242 Orang Kurang Upaya (OKU). Manakala pertambahan petugas (sukarelawan) bagi melaksanakan Program Khidmat Bantu di Rumah (KBDR) dari tahun 2014 hingga September 2017 ialah 1,111 orang.